

Bagaimanakah Ekonomi Bayangan Mengancam Kemakmuran Negara?

Sejak dunia dilanda pandemik COVID-19, ekonomi global seakan-akan lumpuh seketika. Krisis demi krisis yang berlaku tidak hanya memberikan impak besar kepada sektor kesihatan, yang pada masa itu amat kritikal dan memerlukan perhatian segera, malah kesenjangan aspek ekonomi juga menyebabkan himpitan yang dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat. Malaysia dilihat sebagai antara negara terawal yang bangkit daripada kesan pandemik walaupun terjejas akibat ketidakpastian global pada masa itu. Pelbagai inisiatif dan strategi telah diambil melalui Pelan Pemulihan Negara, yang akhirnya membawa negara kepada status endemik pada tahun 2023. Usaha itu berjaya meningkatkan kepercayaan pelabur luar untuk meluaskan jaringan perniagaan mereka di Malaysia. Selain bantuan dan insentif yang disediakan oleh kerajaan, rakyat turut diberikan peluang untuk meneroka pelbagai cabang perniagaan serta aktiviti ekonomi, khususnya dalam sektor ekonomi gig dan digital.

Namun begitu, perkembangan ekonomi global juga membawa kepada pertumbuhan aktiviti tidak sihat yang boleh mengancam kesejahteraan ekonomi sesebuah negara. Satu daripada aktiviti tersebut ialah penuliran ekonomi bayangan, yang juga dikenali sebagai ekonomi bawah tanah. Ekonomi bayangan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:

- 1. Aktiviti perniagaan yang sah di sisi undang-undang**
Aktiviti ini tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak mematuhi undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP), dan
- 2. Aktiviti perniagaan yang tidak sah di sisi undang-undang**
Kebanyakan aktiviti dalam kategori ini melibatkan aktiviti jenayah. Aktiviti ini juga tertakluk kepada penguatkuasaan di bawah ACP. Antara contoh aktiviti dalam kategori ini termasuklah aktiviti penyeludupan, pengubahan wang haram, perjudian haram dan pengedaran dadah.

Kerajaan menganggarkan bahawa saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah sekitar 21% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Setiap tahun, negara dianggarkan kehilangan kira-kira RM70 billion dalam bentuk hasil cukai akibat aktiviti ekonomi bayangan. Antara impak negatif yang ditimbulkan oleh ekonomi ini kepada negara termasuklah ketirisan hasil kerajaan, peningkatan kos kerajaan dan perniagaan lain, penipuan yang menyebabkan eksploitasi pekerja, persaingan tidak sihat yang merugikan perniagaan dan risiko kepada pengguna dan perusahaan.

Ibarat Duri dalam Daging

Walaupun sebahagian daripada aktiviti dalam ekonomi bayangan dijalankan secara sah mengikut perundangan negara, individu atau pihak yang terlibat dalam ekonomi ini sering dilihat sebagai tidak adil dan menganiaya pihak yang patuh dalam menjalankan tanggungjawab mereka kepada negara. Mereka bukan sahaja memanfaatkan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tanpa memberikan sumbangan yang setimpal untuk kemaslahatan umum, tetapi juga menjanakan pendapatan yang berlipat kali ganda tanpa sebarang kawalan yang sewajarnya.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) memandang serius perkara ini terutamanya ketidakpatuhan dalam aspek percukaaian seperti yang berikut:

1. Tidak mendaftar nombor cukai pendapatan dengan HASIL;
2. Tidak melaporkan pendapatan;
3. Melaporkan pendapatan kurang daripada sepatutnya; dan
4. Tidak patuh dalam pembayaran cukai.

Peranan Rakyat kepada Negara

Kerajaan sentiasa memantau setiap aktiviti perniagaan yang berlaku di dalam negara, sama ada yang tertakluk di bawah cukai langsung mahupun tidak langsung. Pelbagai program kesedaran dan pendidikan telah dilaksanakan untuk membendung penuliran ekonomi bayangan dan memastikan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Yang berikut merupakan perkara yang boleh diambil bagi mendukung usaha ini:

1. Resit perniagaan perlu diperoleh setiap kali melakukan aktiviti jual beli terutamanya yang melibatkan jual beli dalam tunai;
2. Para peniaga bertanggungjawab merekodkan transaksi jual beli dengan betul;
3. Setiap kontrak perlu diwujudkan dalam bentuk bertulis bagi mengawal ekonomi bayangan serta melindungi pihak terlibat daripada masalah seperti kerja yang tidak selesai, kerja yang kurang berkualiti atau timbulnya kos tambahan pada masa hadapan;
4. Menggalakkan transaksi pembayaran secara elektronik; dan
5. Sekiranya mengetahui berlakunya aktiviti ini dalam persekitaran, orang ramai boleh melaporkan dengan segera kepada HASiL.

Pelaksanaan e-Invois dan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) bertujuan untuk membanteras aktiviti ekonomi bayangan sekali gus memperluas asas cukai. Inisiatif ini diambil untuk memastikan setiap transaksi dalam setiap lapisan perniagaan direkodkan dengan teliti dan mematuhi undang-undang. Langkah ini juga dilihat sebagai usaha awal yang terbaik yang dapat dicapai melalui kerjasama semua pihak yang terlibat.

Sekiranya orang ramai (pengadu atau pemberi maklumat) mempunyai maklumat berkaitan dengan ekonomi bayangan atau aktiviti pelarian cukai, mereka boleh melaporkannya kepada HASiL menerusi kaedah yang berikut:

1

**Menulis surat kepada:
Seksyen Aduan dan Sumber,
Bahagian Perisikan Jabatan Perisikan dan Profiling,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Aras 3, Menara 2,
No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor;**

2

Mengisi maklumat berkaitan dengan pelarian cukai melalui sistem e-PC (Pelarian Cukai) yang boleh diakses menerusi <https://epelariancukai.hasil.gov.my/>; dan

3

Berkunjung ke pejabat HASiL berhampiran dan berhubung dengan Seksyen Perisikan dan Profiling (SPDP) di setiap negeri pengadu/pemberi maklumat.

Sebagai maklumat tambahan, HASiL terikat dengan peruntukan kerahsiaan maklumat percukaian di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, yang memastikan bahawa setiap maklumat peribadi pembayar cukai tidak akan disebar kepada pihak ketiga tanpa kebenaran.

Maklumat lanjut mengenai ekonomi bayangan boleh dirujuk di portal rasmi HASiL melalui laman web www.hasil.gov.my.